



MPC (PCD) 600-4/1/22

19 Jan 2021

Mr. Leong Kin Choong
61, Jalan SS 22/20,
Damansara Jaya,
47400 Petaling Jaya Selangor

Tuan,

Pelantikan Mr. Leong Kin Choong selaku *MPC Associate* untuk Penulisan Minit dan Aide Memoire bagi Mesyuarat PEMUDAH 1/2021

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) adalah sebuah pasukan petugas yang terdiri daripada wakil sektor awam dan sektor swasta yang bertanggungjawab untuk menangani isu-isu penyampaian perkhidmatan Kerajaan bagi meningkatkan daya saing negara.

2. Sekretariat PEMUDAH ingin melantik Tuan bagi membantu penyediaan dokumen bagi minit mesyuarat dan ucapan pengerusi. Cadangan pembayaran adalah seperti berikut:

Perkara	Jumlah Bayaran (RM)
1. Penulisan minit mesyuarat PEMUDAH 1/2021(online)	750
2. Penulisan aide memoire Ketua Setiausaha Negara 1/2021	500
3. Penulisan aide memoire Co-Chair PEMUDAH 1/2021	500
Jumlah Keseluruhan Bayaran	1,750

3. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada rundingan di antara pihak Tuan dan pihak MPC mengenai skop perkhidmatan dan kos perkhidmatan bagi projek

tersebut di atas. Tuan juga adalah diingatkan supaya mematuhi semua peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan berhubung pelaksanaan kajian ini.

4. Surat ini adalah **RAHSIA KERAJAAN** dan tidak boleh disebarikan kepada mana-mana pihak lain. Surat ini hanyalah suatu surat niat dan hendaklah tidak ditafsirkan dalam apa-apa cara jua sebagai mengikat Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'H-8h', written over a horizontal line.

(HAFIZOH MD ARIS)

Pengurus

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)